

Bil. S 80

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA LALU LINTAS JALAN RAYA (PINDAAN), 2017

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran dan permulaan kuat kuasa
2. Penggantian bab 33 dari Penggal 68

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA LALU LINTAS JALAN RAYA (PINDAAN), 2017

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuat kuasa

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Lalu Lintas Jalan Raya (Pindaan), 2017 dan hendaklah dianggap telah mula berjalan kuat kuasanya pada 14hb Ogos 2017.

Penggantian bab 33 dari Penggal 68

2. Bab 33 dari Akta Lalu Lintas Jalan Raya adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut —

“Kewajipan berhenti jika berlaku kemalangan

33. (1) Jika suatu kemalangan berlaku disebabkan adanya sebuah kenderaan bermotor di atas suatu jalan raya dan kemalangan itu mengakibatkan kerosakan atau kecederaan kepada mana-mana orang, kenderaan, struktur atau haiwan, pemandu kenderaan bermotor itu hendaklah memberhentikan kenderaan bermotor itu dan hendaklah melakukan mana-mana yang berikut mengikut mana-mana yang berkenaan —

(a) pemandu itu, jika diminta berbuat demikian oleh mana-mana orang di tempat kejadian kemalangan yang mempunyai alasan yang munasabah untuk meminta butir-butir pemandu itu, memberikan butir-butir pemandu itu kepada orang itu;

(b) jika tiada seorang pun yang disebut dalam perenggan (a) berada di tempat kejadian kemalangan, pemandu itu hendaklah mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memberitahu pemilik (jika ada) kenderaan atau struktur yang rosak, atau haiwan yang cedera, mengenai kerosakan atau kecederaan yang berlaku kepada kenderaan, struktur atau haiwan itu (mengikut mana yang berkenaan), dan memberikan kepada pemilik tersebut butir-butir pemandu itu.

(2) Pemandu kenderaan bermotor yang disebut dalam ceraiian (1) hendaklah melaporkan kemalangan itu di sebuah balai polis atau kepada seorang pegawai polis dalam masa 24 jam selepas kemalangan itu melainkan jika salah satu yang berikut telah berlaku —

(a) pemandu itu telah memberikan butir-butir pemandu itu kepada seseorang yang disebut dalam ceraiian (1)(a);

(b) pemilik yang disebut dalam ceraiian (1)(b) telah menghubungi pemandu itu;

(c) pemandu itu dihalang daripada membuat suatu laporan atas sesuatu sebab yang difikirkan mencukupi oleh mahkamah dalam hal keadaan tersebut.

(3) Jika dalam mana-mana kes disebabkan adanya sebuah kenderaan bermotor di atas suatu jalan raya suatu kemalangan berlaku yang mengakibatkan mana-mana orang terbunuh atau sebarang kerosakan atau kecederaan berlaku kepada mana-mana orang, kenderaan, struktur atau haiwan, pemandu kenderaan bermotor itu hendaklah memberikan bantuan sebagaimana yang mungkin dikehendaki dengan munasabah oleh mana-mana pegawai polis atau semasa ketiadaan mana-mana pegawai polis bantuan yang pemandu itu dengan munasabah berkuasa memberikannya.

(4) Apabila, disebabkan adanya sebuah kenderaan bermotor di atas suatu jalan raya, suatu kemalangan berlaku yang mengakibatkan seseorang terbunuh atau cedera parah atau kerosakan teruk berlaku kepada mana-mana kenderaan atau struktur, tiada seorang pun boleh, kecuali dengan kebenaran seorang pegawai polis, memindahkan atau pun selainnya mengganggu mana-mana kenderaan yang terlibat dalam kemalangan itu atau mana-mana bahagian kenderaan itu atau melakukan apa-apa perbuatan lain untuk memusnahkan atau mengubah apa-apa keterangan mengenai kemalangan itu kecuali bahawa —

(a) sebuah kenderaan atau mana-mana bahagiannya boleh dipindahkan setakat mana yang mungkin perlu untuk melepaskan orang atau haiwan yang terlibat, memindahkan mel, mencegah kebakaran atau mencegah kerosakan atau halangan kepada orang ramai; dan

(b) barang-barang atau bagasi penumpang boleh dipindahkan dari sebuah kenderaan dengan pengawasan seorang pegawai polis.

(5) Ceraiian (4) tidak dikenakan jika perlu memindahkan dengan segera mana-mana orang yang cedera parah ke hospital dan tidak ada cara yang sesuai untuk membawanya selain daripada kenderaan yang terlibat dalam kemalangan itu.

(6) Jika mana-mana orang gagal mematuhi mana-mana peruntukan bab ini, dia adalah melakukan suatu kesalahan.

(7) Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah ceraian (6) yang timbul daripada kegagalannya mematuhi ceraian (3), jika dia telah dalam memandu atau cuba memandu sebuah kenderaan bermotor pada masa kemalangan yang disebut dalam ceraian itu menyebabkan orang lain cedera parah atau mati, boleh jika sabit kesalahan dikenakan —

(a) suatu denda tidak melebihi \$3,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali; dan

(b) dalam hal sabitan kedua atau berikutnya, suatu denda tidak melebihi \$5,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

(8) Jika seseorang itu disabitkan atas suatu kesalahan di bawah ceraian (6) yang timbul daripada kegagalannya mematuhi ceraian (3), mahkamah yang menyabitkannya hendaklah —

(a) jika berpuas hati bahawa dia telah dalam memandu atau cuba memandu sebuah kenderaan bermotor pada masa kemalangan yang disebut dalam ceraian (3) menyebabkan orang lain cedera parah atau mati; dan

(b) melainkan jika mahkamah atas alasan khas memikirkan patut untuk memerintahkan selainnya,

membuat suatu perintah yang membatalkan kelayakannya daripada memegang atau mendapatkan suatu lesen memandu —

(i) bagi suatu tempoh tidak kurang dari 12 bulan daripada tarikh sabitannya atau, jika dia dihukum penjara, dari tarikh dia dibebaskan daripada penjara; atau

(ii) bagi tempoh yang lebih lama sebagaimana yang difikirkan patut oleh mahkamah.

(9) Jika dalam satu perbicaraan pemandu sebuah kenderaan bermotor disabitkan dan dihukum penjara atas —

(a) suatu kesalahan yang melibatkan penggunaan kenderaan bermotor itu olehnya, yang menyebabkan orang lain cedera parah atau mati; dan

(b) suatu kesalahan di bawah ceraian (6) yang timbul daripada kegagalannya mematuhi ceraian (3),

mahkamah yang di hadapannya dia disabitkan hendaklah memerintahkan supaya hukuman bagi kesalahan-kesalahan itu berjalan berturut-turut.

(10) Mana-mana pegawai polis boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang disyaki dengan munasabah telah gagal mematuhi ceraiian (3).

(11) Dalam bab ini —

“haiwan” bermakna mana-mana kuda, kerbau, lembu, keldai, baghal, biri-biri, babi, kambing atau anjing;

“butir-butir”, berhubung dengan seorang pemandu sebuah kenderaan bermotor, bermakna nama dan alamat pemandu kenderaan bermotor itu, nama dan alamat pemilik kenderaan bermotor itu, dan tanda pengenalan kenderaan bermotor itu.”.

Diperbuat pada hari ini 20 haribulan Muharram, Tahun Hijrah 1439 bersamaan dengan 11 haribulan Oktober, 2017 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM